



**SYARAT-SYARAT PEMEGANG TAUliaH KEBENARAN MENGAJAR UGAMA,
MAJLIS UGAMA ISLAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pemegang Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran, Mengajar Ugama dan Berceramah Ugama dan Motivasi Berbentuk Keugamaan yang telah diberikan kebenaran oleh Majlis Ugama Islam Brunei, hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

1. Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, ajaran, fahaman dan amalan yang lazim terpakai di Negara ini;
 - (a) Menghadiahkan pahala bacaan Al-Fatihah atan bacaan Al-Qur'an kepada orang yang telah meninggal dunia;
 - (b) Berdoa dan membaca Al-Qur'an di kubur;
 - (c) Membaca doa awal dan akhir tahun Hijrah;
 - (d) Membaca tiga kali surah Yassin pada malam Nisfu Sya'ban;
 - (e) Membaca surah Yaasin pada malam Jumaat'
 - (f) Sambutan memperingati Awal Tahun Hijrah'
 - (g) Sambutan Israk dan Mikraj'
 - (h) Sambutan Nuzul Al-Qur'an;
 - (i) Berdoa beramai-ramai selepas sembahyang berjemaah;
 - (j) Membaca wirid dan zikir secara jahr iaitu kuat atau nyaring beramai-ramai selepas sembahyang;



- (h) Membaca basmalah dalam bacaan Al-Fatihah secara jahr iaitu kuat atau nyaring dalam sembahyang fardhu;
- (I) Menyebut lafaz niat sembahyang dalam bahasa Arab sebelum takbiratul ihram;
- (m) Membaca qunut dalam sembahyang fardhu Subuh;
- (n) Sembahyang sunat sebelum sembahyang fardhu Maghrib;
- (o) Sembahyang sunat qabliyyah sebelum sembahyang fardhu Jumaat;
- (p) Sembahyang sunat hajat secara berjemaah;
- (q) Sembahyang sunat Tarawih dua puluh rakaat;
- (r) Membaca salawat secara jahr iaitu kuat atau nyaring di antara sembahyang sunat Tarawih;
- (s) Sembahyang qadha bagi orang yang meninggalkan sembahyang fardhu dengan sengaja atau tidak;
- (t) Menyapu muka setelah memberi salam selepas sembahyang;
- (u) Bersalaman selepas sembahyang berjemaah;
- (v) Membaca talqin semasa acara pengembumian;
- (w) Amalan bertawassul dan bertabarruk;
- (x) Mengangkat jari telunjuk tanpa menggerakkannya ketika tahiyyah;
- (y) Meletakkan tangan sewaktu qiyam di bawah dada semasa sembahyang.



2. Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan hak mutlak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
4. Tidak menyentuh isu-isu politik;
5. Tidak menyentuh hal-hal peribadi mana-mana individu;
6. Tidak menghina dan mempertikai mana-mana agensi dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
7. Hendaklah mematuhi apa-apa undang-undang, peraturan atau panduan yang telah ditetapkan;
8. Jangan menimbulkan perselisihan pendapat atau mempertikaikan penceramah lain di hadapan umum sehingga menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan orang ramai;
9. Jangan menimbulkan dan membangkitkan semangat perkauman atau mempersoalkan serta mempertikaikan mana-mana pemimpin yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian Negara;
10. Jangan menjadikan medan ceramah sebagai ruang untuk mempengaruhi masyarakat ke arah fahaman yang ekstrem tentang Islam seperti menyalahkan tafsiran jihad yang salah yang boleh mencemarkan imej Islam.
11. Jangan menghina atau memetik ajaran kitab-kitab agama lain, yang mana boleh menimbulkan kemarahan.



12. Dalam menyampaikan dakwah hendaklah dibuat secara berhikmah iaitu antaranya memberikan apa jua nasihat, teguran atau perbandingan dengan cara yang baik.
13. Mana-mana pemegang Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama yang didapati melanggar mana-mana syarat di atas boleh diambil tindakan undang-undang dan Surat Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama atau Kebenaran berceramah boleh ditarik balik atau di batalkan.

Disediakan oleh:

Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.